



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA



Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur

Tel : 03-26982878 / 03-26107087 Fax : 03-26936881
E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

PEKELILING AM MAPS BIL.2/2020

Tempoh Masa bagi Mengemukakan Permohonan Penyambungan Akreditasi

OBJEKTIF


1. Pekeliling ini menerangkan perkara yang berkaitan ruangan masa bagi pengemukakan permohonan penyambungan akreditasi yang perlu diberikan perhatian oleh Penyedia Pendidikan Senibina (atau 'PPS') dalam usaha untuk membolehkan program dibawah kendaliannya diperiksa oleh Panel Lawatan Akreditasi dari Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia (atau 'MAPS'). Kegagalan mematuhi prosedur yang dinyatakan di sini boleh menyebabkan permohonan akreditasi oleh PPS ditolak.

KETETAPAN UMUM

2. Subseksyen 2.4.3 dalam The Manual of Accreditation for Architecture Programme (2013) (atau 'MAAP') menjelaskan proses permohonan bagi tujuan mendapatkan Penyambungan Akreditasi (Continuing Accreditation). Subseksyen 2.4.3 serta Apendiks 2-G perlulah dibaca dan difahamkan dalam konteks keseluruhan subseksyen 2.4.
3. Pekeliling ini ditujukan khas kepada PPS yang program senibinanya sudah memperoleh akreditasi dan pengiktirafan dari Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dimana program berkenaan ada tersenarai dalam Senarai Program Senibina yang Diiktiraf oleh LAM (sila rujuk *List of Recognised Programme* di laman web www.lam.gov.my).
4. Subseksyen 2.4.3 dalam MAAP menetapkan bahawa permohonan penyambungan akreditasi perlu dikemukakan kepada MAPS 3 bulan sebelum tempoh akreditasi sedia ada program berkenaan luput. Ini juga bererti pembaharuan tempoh akreditasi bagi program berkenaan perlu diperolehi sebelum tempoh akreditasi yang sedia ada terluput. Ketetapan dalam subseksyen 2.4.3 ini memberi maksud sebarang permohonan yang kurang dari tempoh 3 bulan akan berhadapan dengan risiko ditolak. Sekiranya penolakan

berlaku program sedia ada berkenaan juga bakal berada dalam risiko terbatal akreditasinya.

5. Pekeliling ini menjelaskan peraturan dan prosedur tambahan bila mana PPS membuat permohonan penyambungan akreditasi lebih awal dari tempoh 3 bulan (sebelum tiba tarikh luputnya) seperti yang ditetapkan dalam subseksyen 2.4.3.
6. Adalah dengan ini ditetapkan bahawa LAM membenarkan tempoh permohonan penyambungan akreditasi dibuat seawal **satu (1) tahun** sebelum tibanya tarikh luput akreditasi program sedia ada. Ketetapan ini merupakan prosedur tambahan dan tidak sekali-kali membatalkan prosedur yang ditetapkan dalam subseksyen 2.4.3. Dalam hal yang sedemikian, notis **tiga (3) bulan** tersebut tetap terpakai kerana ia adalah tempoh yang diperlukan oleh MAPS untuk memproses setiap permohonan. Dalam konteks ini, Lawatan Penyambungan Akreditasi mestilah dilaksanakan dalam tempoh akreditasi sedia ada masih belum luput.
7. Pihak PPS diberikan ruang dan peluang untuk mengemukakan permohonan penyambungan akreditasi pada bila-bila masa sepanjang tempoh masa **sembilan (9) bulan** seperti yang dimaksudkan dalam perkara 6 (dirujuk sebagai 'pra-luput akreditasi').
8. Walau bagaimanapun, dalam keadaan dan kes tertentu, dan hanya dengan arahan atau kehendak MAPS atau LAM, pihak PPS boleh dibenarkan memohon penyambungan akreditasi selepas tempoh akreditasi program berkenaan tamat. Tempoh maksimum yang dibolehkan bagi tujuan ini adalah selama **satu (1) tahun bermula dari tarikh luput akreditasi** (dirujuk sebagai 'pasca-luput akreditasi').
9. Tempoh penyambungan akreditasi bagi program yang berjaya memperoleh akreditasi dalam tempoh 'pra-luput akreditasi' akan bermula dari **tarikh Lawatan Penyambungan Akreditasi** dilaksanakan.
10. Manakala, tempoh penyambungan akreditasi bagi program yang berjaya memperoleh akreditasi dalam tempoh 'pasca-luput akreditasi' akan bermula **dari hari pertama** selepas tibanya tarikh luput tempoh Akreditasi terdahulu.



(Ar. Prof Madya (I) ZURAINA LEILY AWALLUDIN)
Setiausaha Kehormat,
Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina (MAPS) Malaysia

September 2020